



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"IBADAH HAJI: MENYUCIKAN HATI – TAQARRUB ILAHI"

14 Jun 2024 / 7 Zulhijah 1445

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ عَلَى الْعَرْشِ اسْتَوَى، وَيَعْلَمُ السِّرَّ وَأَخْفَى، وَخَلَقَ النَّاسَ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَى،
وَجَعَلَ بَيْنَهُمْ مَوَدَّةً وَنَسَبًا وَصِهْرًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْأَسْمَاءُ
الْحُسْنَى، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْمُصْطَفَى، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ أَهْلِ الصِّدْقِ وَالْوَفَاءِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا
اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Illahi,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhlaskan setiap amal, semoga kita mendapat taufik dan hidayah serta diperkukuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Yang Maha Esa. Mimbar akan memperdengarkan khutbah bertajuk: "IBADAH HAJI: MENYUCIKAN HATI – TAQARRUB ILAHI"

Bulan Zulhijah mengandungi pelbagai keistimewaan. Bulan yang umat Islam diseru memperbanyakkan amal soleh serta musim umat Islam dari seluruh pelosok dunia menuju ke tanah suci kota Mekah untuk menunaikan fardu ibadah haji; memenuhi rukun Islam kelima. Ibadah haji wajib dilaksanakan sekiranya Muslim memiliki kemampuan sebagaimana firman Allah SWT, surah Ali Imran ayat 97:

...وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا

Bermaksud: ...Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan haji dengan mengunjungi Baitullah, iaitu (bagi) orang yang mampu sampai kepadanya.

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



Berpandukan ayat tersebut, Syeikh al-Maraghi mentafsirkan, ibadah haji diwajibkan kepada setiap orang Muslim mukalaf yang berupaya daripada segi fizikal, memiliki tubuh badan sihat serta mempunyai kemampuan kewangan. Fardu ibadah haji turut ditegaskan oleh Rasulullah SAW melalui sabda Baginda:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ، كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْحَجُّ، فَقَامَ الْأَقْرَعُ بْنُ حَابِسٍ فَقَالَ: أَيْ كُلِّ عَامٍ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟
فَقَالَ: لَوْ قُلْتَهَا لَوَجِبَتْ، وَلَوْ وَجِبَتْ لَمْ تَعْمَلُوا بِهَا، أَوْ لَمْ تَسْتَطِيعُوا أَنْ تَعْمَلُوا بِهَا، الْحَجُّ مَرَّةً،
فَمَنْ زَادَ فَهُوَ تَطَوُّعٌ

Bermaksud: "Wahai sekalian manusia, telah difardukan haji ke atas kamu. Lalu al-Aqra' bin Habis bertanya: Wahai Rasulullah, adakah ibadah haji itu wajib pada tiap-tiap tahun? Rasulullah bersabda: Kalau aku katakan (begitu) ia akan jadi wajib, kalau wajib (setiap tahun) kamu tidak mampu menunaikannya. Haji yang wajib hanyalah satu kali sahaja, sesiapa yang tambah (lebih daripada sekali) maka ia menjadi *tatawwu* (sunat).

(Hadis Riwayat Ahmad)

Jemaah yang dimuliakan,

Ibadah haji menuntut ummah memiliki sifat sabar yang tinggi kerana urusan mengerjakan ibadah haji, menempuhi ujian dan rintangan yang mencabar terutama semasa menuju ke Arafah, Muzdalifah dan Mina. Menjadi tanda kebesaran Ilahi, apabila umat Islam dari seluruh dunia berhimpun menyahut seruan Ilahi, sebagai tetamu Allah dengan niat murni ingin menyucikan jiwa dan mendekatkan diri kepada Tuhan Maha Esa serta mendambakan haji mabrur. Kelebihan bagi mereka yang memperoleh haji mabrur ibarat seorang bayi yang baharu dilahirkan, suci bersih tanpa dosa selaras sabda Nabi SAW:

مَنْ حَجَّ هَذَا الْبَيْتَ فَلَمْ يَرْفُثْ وَلَمْ يَفْسُقْ رَجَعَ كَمَا وَلَدَتْهُ أُمُّهُ

Bermaksud: "Sesiapa yang menunaikan haji dalam keadaan dia tidak bercakap perkataan buruk dan keji serta tidak melakukan perkara yang fasiq maka dia akan kembali sepertimana dia dilahirkan oleh ibunya (iaitu dalam keadaan suci bersih dari dosa)."

(Hadis Riwayat al-Bukhari)



Penghayatan ibadah haji memahamkan ummah bahawa ibadah haji bukan sekadar perjalanan lahiriah ke tanah suci tetapi merupakan perjalanan rohaniah bertujuan membawa ummah lebih (*taqarrub*) dekat kepada Allah SWT. Hayati hikmah yang terkandung dalam ibadah haji seperti berikut:

Pertama: Taubat dan pengampunan: merupakan peluang terbaik untuk hamba Nya bertaubat dan memohon pengampunan Allah SWT atas kesilapan lalu.

Kedua: Persaudaraan umat Islam: mengumpulkan dan mempertemukan umat Islam dari pelbagai negara, budaya, kaum, latar belakang dan status, mengajar manusia erti persaudaraan dan kesatuan umat Islam, bahawa kita berada di bawah naungan Allah, tanpa mengira bangsa atau warna kulit.

Ketiga: Ketekunan dan kesabaran: Perjalanan haji tidak mudah, memerlukan penggunaan tenaga yang banyak, perjalanan yang jauh, mengalami keletihan dan menguji ketahanan. Demikian yang pernah dirasai oleh Sarah isteri Nabi Ibrahim AS tatkala berlari dari bukit Safa dan Marwah untuk mendapatkan air minuman, memenuhi keperluan anaknya Nabi Ismail AS. Namun, dengan niat ikhlas, dipandu ilmu, iman dan kesabaran, insyaAllah perjalanan ibadah haji dipermudahkan oleh Allah SWT.

Keempat: Kesedaran tentang kematian: Berada di tanah suci, mengingatkan diri kita tentang kematian. Setiap manusia pasti kembali kepada Allah. Ibadah haji mengajar kita mempersiapkan diri untuk menghadapinya.

Jemaah yang dilimpahi naungan Ilahi

Kemuncak pelaksanaan ibadah haji ialah berwuquf di Arafah pada 9 Zulhijah sebagaimana Sabda Nabi SAW:

الْحَجُّ عَرَفَةٌ

Bermaksud: "Haji adalah Arafah"

Hari Arafah mempunyai pelbagai kelebihan, antaranya hari yang Allah SWT membebaskan paling banyak hamba Nya daripada api neraka. Hari Arafah ialah bukti kasih sayang Allah SWT kepada umat Islam apabila memberikan kelebihan kepada mereka yang berwuquf di Arafah memperoleh masa dan tempat mustajab doa serentak dalam satu masa.



Mereka yang tidak mengerjakan haji turut berpeluang meraih ganjaran kelebihan hari Arafah iaitu dengan berpuasa sunat pada 9 Zulhijah sebagaimana sabda Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Imam Muslim bermaksud: "Puasa pada hari tersebut (hari Arafah) akan menghapuskan dosa setahun yang lalu dan akan datang".

Para tetamu Allah yang dimuliakan,

Kesimpulan khutbah pada hari ini adalah seperti berikut :

Pertama: Demi memenuhi tuntutan Rukun Islam kelima, ummah dianjurkan berusaha menunaikan ibadah haji dengan melakukan persiapan awal seperti mendaftar nama di Tabung Haji, merancang perbelanjaan dan simpanan, dan menjaga kesihatan diri pada setiap masa.

Kedua: Haji yang mabrur yang dilaksanakan dengan sempurna syarat dan rukun, disusuli penghayatan, akan memadamkan segala dosa yang lalu dan jiwa kembali bersih. Perbanyakkan berdoa pada hari Arafah terutama pada waktu jemaah haji sedang berwuquf. Semoga Allah SWT memperkenankan doa setiap hamba Nya.

Ketiga: Perhimpunan umat Islam dari pelbagai rupa, bahasa, budaya dan negara wajib dijadikan iktibar untuk ummah mempertautkan ukhuwah Islamiah, mencari titik pertemuan yang lebih menguntungkan ummah seperti bersatu membela penindasan saudara-saudara kita di Palestin, mengetepikan fahaman politik sempit, lalu sepakat mengamalkan sikap saling menghormati, merendah diri; kerana manusia di sisi Allah SWT adalah sama, yang membezakan manusia ialah tahap amalan dan takwa.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ
أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Penting untuk mimbar memperingatkan para jemaah bahawa kaedah penentuan awal bulan khususnya Ramadan, Syawal dan Zulhijah di Malaysia ialah melalui kaedah hisab dan rukyah hilal (melihat anak bulan) yang dilakukan oleh Jawatankuasa Rukyah setelah dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja. Oleh itu, tidak harus timbul sebarang pertikaian apabila tarikh pengisytiharan di Malaysia berbeza dengan yang diisytiharkan oleh kerajaan Arab Saudi. Ummah wajib berpegang, mengikuti dan mentaati keputusan yang ditetapkan oleh pihak pemerintah selaku ulul-amri bagi sesebuah negara.

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya dari kalangan Asyairah Maturidiah. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ
مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَاَنْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَاَنْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَاكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin! berkatilah kehidupan dan harta kami agar kelak berupaya menunaikan fardu ibadah haji. Terimalah ibadah haji para hamba Mu dan kurniakanlah mereka kesihatan serta senantiasa mendapat naungan perlindungan keselamatan dari Mu untuk membolehkan mereka melaksanakan ibadah dengan tekun dan sempurna.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Dzal Jalaali wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ﴾.

PENGUMUMAN SEBELUM SOLAT JUMAAT

Kepada: Imam / Khatib bertugas

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bersempena sambutan Hari Raya Aidiladha pada 17 Jun 2024 bersamaan 10 Zulhijah 1445 yang akan tiba, di samping kemeriahan ibadah penyembelihan haiwan korban, Persatuan Madrasah Tahfiz Al-Quran Malaysia (PERMATA AL-QURAN) membuka peluang kepada semua para dermawan dan peserta korban untuk sama-sama mengagihkan daging korban kepada maahad-maahad tahfiz yang berhampiran di seluruh negeri Perak yang majoritinya merupakan golongan memerlukan, dari kalangan asnaf fakir, miskin (B40) atau Fi Sabilillah.

Justeru, tatkala kita menzahirkan ibadah bertujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan melakukan sembelihan haiwan korban, dalam masa yang sama kita dianjurkan mengagihkan daging sembelihan yang segar kepada golongan yang memerlukan untuk mereka nikmati kurniaan ihsan golongan dermawan. Moga segala usaha kecil kita ini dikurniai ganjaran oleh Allah SWT.